

Headline	Tumpu pada teater		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	S29	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	547 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shakilawati Abd Rahman	AdValue	RM 20,125
Frequency	Daily	PR Value	RM 60,375



Headline	Tumpu pada teater		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	S29	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	547 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shakilawati Abd Rahman	AdValue	RM 20,125
Frequency	Daily	PR Value	RM 60,375

Oleh **SHAKILAWATI ABD RAHMAN**  
shakilawati@hmetro.com.my

**D**ia bukan saja boleh menyanyi, malah ada bakat terpendam sebagai pelakon. Perkara itu hanya disedari Kaka Azraf apabila beraksi dalam teater Bukan 404, tahun lalu.

Ia menjadi titik permulaan buat penyanyi yang mula dikenali menerusi lagu Bawa Daku Pergi ini 'jatuh cinta' dengan bidang lakonan. Dalam diam, dia berharap diberi peluang beraksi lagi di pentas teater.

Keinginan itu direalisasikan Mask Team apabila Kaka atau nama sebenarnya Nor Atiqah Noor Azraf dipilih menjayakan Projek Kahwin yang akan dipentaskan pada 6 hingga 14 Jun depan.

Lebih bermakna apabila dapat beraksi di Panggung Sari, Istana Budaya. Baginya, peluang itu ibarat bulan jatuh ke riba.

"Saya memang menantikan tawaran beraksi lagi di pentas teater. Ketika dihubungi penerbit Projek Kahwin, saya terus bersetuju. Kebetulan pula sepanjang 10 hari pementasan, saya tidak terikat dengan komitmen lain.

"Saya mahu cabar diri beraksi di pentas lebih besar. Ketika menjayakan Bukan 404, Auditorium MPAJ boleh memuatkan kira-kira 300 hingga 400 penonton, tetapi di Panggung Sari kapasitinya lima kali ganda.

"Tidak dinafikan saya berdebar, tetapi peluang sebegini bukan datang selalu. Saya sangat menghargai dan tidak akan menghampakkan kepercayaan diberi penerbit, pengarah serta Istana Budaya," katanya.

Bakal muncul dengan single baru, Kaka yang juga anak saudara Ratu Rock, Ella aku beraksi di pentas teater tidak sukar, cuma menuntut lebih penghayatan dan sentiasa peka.

Katanya, ilmu diperturunkan Raja Azrey dalam Bukan 404 sebelum ini banyak membantu. Malah, dia berazam mengasah lagi skil lakonan menerusi projek terbaru ini.

"Cabaran apabila menjayakan teater malah kena ingat skrip. Ini sangat penting kerana kita beraksi di depan penonton. Kalau terlupa skrip, perlu bertindak cepat menutup kesilapan itu kerana penonton jadi sedar.

"Saya pernah buat silap ketika pementasan Bukan 404, tetapi mujur penonton tidak perasan. Pengalaman itu menyuntik

semangat saya untuk buat lebih baik jika dapat tawaran lagi.

"Sesi latihan akan bermula 21 April ini dan dijangka berakhir pertengahan bulan depan. Difahamkan, kelas nyanyian, lakonan dan psikologi disediakan untuk barisan pelakon dan tenaga pengajarnya pula pensyarah Universiti Teknologi Mara. Peluang ini sangat bagus untuk saya tambah ilmu," katanya.

Dalam Projek Kahwin, Kaka membawa watak kawan rapat Nisa lakonan Hanez Suraya dan Kilafairy. Dia menjadi tempat Nisa meluahkan perasaan dan 'ubat penenang' gadis itu.

Bagi Kaka, tidak sukar menghidupkan karakter ini kerana ia dekat dengan dirinya. Persiapan juga bermula sejurus selepas dapat tawaran.

"Saya buat beberapa penyelidikan untuk mantapkan lakonan. Pengarah mahu watak itu dekat dengan saya dan kena buat keadaan jadi kecoh.

"Dalam kehidupan sebenar, saya memang kuat bergurau, jadi tidak ada masalah untuk saya menjiwai watak ini. Saya juga akan menyanyi dalam Projek Kahwin," katanya.

Mengenai drama dan filem, kata Kaka, dia belum bersedia. Buat masa ini, hatinya lebih terpanggil untuk bergiat secara serius dalam pementasan teater kerana ia hampir sama seperti menyanyi di pentas.

Kedua-duanya membuatkan dia terasa dekat dengan penonton. Berbeza dengan drama dan filem kerana ia disiarkan menerusi televisyen dan layar lebar.

"Buat masa ini saya belum terfikir muncul di TV atau panggung. Biar saya kutip ilmu di pentas teater dulu," katanya yang turut berjinak-jinak dalam bidang pengacaraan.

Projek Kahwin yang diarahkan Muhammad Azri Ali turut dibintangi Hanez Suraya, Kilafairy, Izzue Islam, Shah Iskandar, Imam Muda Asyraf, Zulin Aziz dan Sherry Alhadad.

Ia mengisahkan suasana yang berlaku dalam perkahwinan masyarakat Melayu. Rizal (lakonan Izzue) dan Nisa (Hanez dan Kilafairy) mahu berkahwin tetapi berdepan pelbagai halangan apabila keluarga turut campur tangan menjayakan majlis itu.

Ia berdasarkan kisah benar yang berlaku dalam masyarakat hari ini dan dipersembahkan dalam bentuk teater dokumentari.